

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 16

RUANGAN : NASIONAL

Nilai risiko 4 lagi Zon Merah di Sabah

Tawau: Kementerian Kesihatan (KKM) menjalankan penilaian risiko di empat daerah di Pantai Timur di sini, sebelum menyerahkan cadangan sama ada Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) perlu dibuat selepas Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah.

Menterinya, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata penilaian risiko secara berterusan sedang giat dilaksanakan kerana kewujudan beberapa kluster baharu dalam komuniti khususnya di empat daerah iaitu Lahad Datu, Tawau, Semporna dan Kunak yang dikategorikan sebagai Zon Merah berikutan jumlah kes aktif yang melebihi 40 kes.

"Sebab itu kita datang membuat penilaian risiko dan pengumuman sama ada keperluan membuat PKPD, di sini, akan dimaklumkan dalam masa terdekat."

"Setakat ini, saranan kita mencukupi dengan memperketatkan prosedur operasi standard (SOP) yang sudah digariskan sebelum ini," katanya pada sidang media, di sini, semalam.

Penularan COVID-19

Kluster Bangau-Bangau catat jumlah kes positif tertinggi

47 kes baharu dicatatkan jadikan jumlah keseluruhan 60 jangkitan

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kluster ketujuh dikesan di Semporna, Sabah iaitu Kluster Bangau-Bangau mencatatkan kes tertinggi COVID-19 semalam iaitu 47 kes baharu yang menjadikan jumlah keseluruhannya setakat ini 60 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata setakat semalam, seramai 105 individu disaring bagi kluster berkenaan.

"Daripada jumlah 60 kes positif COVID-19, 42 daripadanya adalah dalam kalangan warganegara, manakala 18 lagi membabitkan rakyat Filipina dan 45 individu masih menunggu keputusan saringan COVID-19," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, kluster lain yang turut menyumbang peningkatan kes positif baharu di Sabah termasuk Kluster Laut dan Kluster Benteng LD (Lahad Datu).

"Terdapat 10 kes baharu dilaporkan bagi Kluster Laut hari ini (semalam) menjadikan jumlah kes positif kluster ini 22 kes yang semuanya membabitkan rakyat Filipina."

"Seramai 488 individu bagi kluster ini disaring dan 352 daripadanya negatif COVID-19, manakala 114 lagi masih menunggu keputusan."

"Bagi Kluster Benteng LD, terdapat pertambahan satu kes ba-



Dr Noor Hisham Abdullah

haru, sekali gus jumlah keseluruhannya meningkat kepada 730 kes," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, Kluster Sungai di Kedah turut mencatatkan empat kes baharu, menjadikan kes keseluruhan meningkat kepada 91 kes.

"Sejumlah 25,167 individu disaring dalam kluster ini iaitu di Kedah membabitkan 24,947 individu, Pulau Pinang (142) dan Perlis (78).

"Daripada saringan dijalankan, hanya satu kes positif COVID-19 membabitkan kluster ini dikesan di Perlis, manakala semua individu disaring di Pulau Pinang didapati negatif dan 24,584 penduduk di Kedah juga negatif dengan 273 orang sedang menunggu keputusan ujian," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, kes COVID-19 kembali turun dua angka apabila mencatatkan 71 kes menjadikan jumlah keseluruhan wabak itu di negara ini sebanyak 10,576 kes.

Beliau berkata, daripada jumlah itu, 69 kes membabitkan penularan dalam negara, manakala dua lagi kes import. Sebanyak 43 kes adalah warganegara Malaysia dan 26 kes bukan warganegara.

Selain Sabah, negeri yang turut menyumbang kepada kes positif COVID adalah masing-masing dua dari Selangor dan Kedah.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 25

RUANGAN : NASIONAL

Susulan ubat preskripsi dijual berleluasa

10 kedai runcit jual ubat tidak berdaftar diserbu

Serbuan KKM di ibu negara rampas 57 produk kesihatan bernilai RM8,000

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) menyerbu 10 kedai runcit di beberapa lokasi di ibu negara dan merampas 57 barangan membabitkan ubat antibiotik serta produk kesihatan tidak berdaftar bernilai kira-kira RM8,000.

Serbuan dilakukan di Jalan Ipoh, Sentul, dekat sini dan Puncak Alam, Selangor melalui operasi khas bersepadu dikenali sebagai Ops Asing dan Ops Puncak, semalam.

Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi KKM, Datin Dr Faridah Aryani Md Yusof, berkata operasi dijalankan Cawangan Penguatkuasaan Farmasi (CPF) Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor.

"Tindakan penguatkuasaan itu dijalankan membabitkan penjualan antibiotik dan pelbagai produk kesihatan tidak berdaftar dengan KKM di kedai runcit di sekitar Lembah Klang.

"Nilai keseluruhan rampasan produk dalam operasi itu dianggarkan RM8,000 membabitkan serbuan ke atas 10 premis dengan 57 barangan dirampas," katanya melalui kenyataan, di sini, semalam.

Sebelum ini, BH mendedahkan pelbagai ubat-ubatan kumpulan B termasuk antibiotik dijual sewenang-wenangnya bukan saja di farmasi dan platform e-dagang, malah di kedai runcit diusahakan warga asing.

Pada masa sama, Dr Faridah Aryani, berkata semua pembekalan ubat-ubatan mengandungi racun berjadual tertakluk mengikut Akta Racun 1952 yang perlu



Antara kedai runcit yang diserbu dan merampas ubat antibiotik serta produk kesihatan tidak berdaftar (gambar kecil) di sekitar ibu negara, semalam.

dipatuhi pengamalan perubatan dan ahli farmasi.

Beliau berkata, penjualan racun tanpa lesen sah boleh disiasat mengikut Seksyen 13 Akta Racun 1952 yang sabit kesalahan boleh didenda tidak lebih RM3,000 atau penjara tidak lebih setahun atau kedua-duanya sekali.

"Perbuatan memiliki atau menjual produk kesihatan tidak berdaftar adalah pelanggaran mengikut Peraturan 7 (1) (a), Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 yang boleh didenda sehingga RM25,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

Beliau mengingatkan orang ramai penggunaan antibiotik secara tidak terkawal boleh meningkatkan risiko kerintangan, seterusnya mengurangkan keberkesanan untuk merawat jangkitan pada masa depan.

Katanya, pengambilan ubat mengandungi racun berjadual seperti antibiotik oleh orang awam perlu melalui diagnosis pengamal perubatan berdaftar untuk rawatan atau dibekalkan ahli farmasi berlesen melalui preskripsi sah.

"KKM menasihati orang ramai berhati-hati ketika membeli produk kesihatan termasuk kosmetik dan memastikan ia mematuhi keperluan undang-undang yang dikuatkuasakan.

"Produk berdaftar mempunyai nombor pendaftaran MAL dan label keselamatan hologram pada pembungkusan," katanya.

Beliau berkata, orang ramai termasuk media digalakkan mengemukakan aduan dan maklumat berhubung produk meragukan sebagai usaha bersama pihak ke-

mentarian untuk membanteras penjualan produk kesihatan tidak dibenarkan bagi melindungi keselamatan dan kesejahteraan orang awam.

"Maklumat boleh disalurkan kepada Program Perkhidmatan Farmasi KKM melalui laman web www.pharmacy.gov.my atau melalui portal Sistem Pengurusan Aduan Agensi Awam (SisPAA) di laman web

<http://moh.spab.gov.my> atau mana-mana cawangan penguatkuasaan farmasi atau di talian 03-78413200.

Malaysia kekal pengiktirafan destinasi kesihatan terbaik dunia

Kuala Lumpur: Malaysia sekali lagi merangkul anugerah 'Pelancungan Kesihatan dan Perubatan: Destinasi Terbaik Tahun Ini', pada Anugerah Pelancungan Perubatan 2020 di London, semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pengiktirafan itu didedikasikan kepada semua pemegang taruh sektor penjagaan kesihatan Malaysia atas usaha cemerlang mereka.

"Anugerah ini didedikasikan kepada semua pemegang taruh di #malaysiahealthcare prestasi cemerlang pada 2019/2020. Sekali lagi setinggi-tinggi tahniah kepada seluruh pasukan," katanya dalam hantaran di Facebook, semalam.

Sementara itu, Majlis Pelancungan Kesihatan Malaysia (MH-TC) dalam satu kenyataan menyatakan, pengiktirafan kali keempat berturut-turut itu, sekali gus meningkatkan kedudukan Malaysia sebagai Pusat Penjagaan Kesihatan Mengagumkan Di Dunia dan mencerminkan komitmen negara dalam sektor penjagaan kesihatan, khususnya ketika berdepan pandemik COVID-19.

Edisi anugerah itu kali ini, turut menyaksikan MHTC mengekalkan kemenangannya kali keempat bagi anugerah Kluster Terbaik Tahun ini.

"Penerimaan anugerah Destinasi Terbaik Tahun Ini dan Kluster Terbaik Tahun ini sekali lagi menunjukkan keyakinan global terhadap kecemerlangan prasarana kesihatan Malaysia, untuk pelancung penjagaan kesihatan," kata kenyataan itu.

Beberapa institusi kesihatan swasta Malaysia turut meraih kemenangan dalam anugerah berprestij itu termasuk Sunway Fertility Centre (Anugerah Klinik Fertility Antarabangsa Terbaik Tahunan); Prince Court Medical Centre (Hospital Antarabangsa Terbaik Tahunan); Sunway Eye Centre (Klinik Mata Antarabangsa Terbaik Tahunan dan Thompson Hospital Kota Damansara (Inisiatif Kualiti Terbaik).

BERNAMA



Anugerah ini didedikasikan kepada semua pemegang taruh di #malaysiahealthcare prestasi cemerlang pada 2019/2020.

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

Pegawai perubatan dari Semenanjung diterbangkan ke Tawau bendung Covid-19

Petugas kesihatan ke Sabah

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan menggerakkan pegawai-pegawai perubatan dari Semenanjung Malaysia ke Sabah mulai semalam bagi membendung penularan Covid-19 di negeri berkenaan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pegawai perubatan berkenaan adalah dari Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Terengganu, Kelantan, Pahang dan Hospital Kuala Lumpur.

Beliau berkata, kesemua mereka akan ditempatkan di Tawau.

"Mereka ini terdiri daripada pegawai perubatan yang bertugas di Hospital Sultanah Nur Zahirah, Hospital Kemaman, Hospital Besut, Hospital Setiu, Hospital Dungun, Hospital Raja Perempuan Zainab II, Hospital Tanah Merah, Hospital Tengku Anis, Hospital Jeli, Hospital Gua Musang.

"Selain itu, mereka juga adalah pegawai perubatan dari Hospital Tengku Ampuan Afzan, Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, Hospital Kuala Lipis, Hospital Jerantut dan Hospital Muadzam Shah," katanya menerusi akaun Face-

booknya semalam.

Katanya, kesemua petugas barisan hadapan ini telah bersedia untuk menjalankan tugas dalam usaha negara membendung penularan Covid-19 di Sabah.

Noor Hisham berkata, mobilisasi petugas kesihatan ke negeri Sabah ini akan dilaksanakan secara berperingkat dan membabitkan pelbagai kategori penjawatan lain seperti pakar

perubatan, penolong pegawai perubatan, jururawat, juruteknologi makmal perubatan, pegawai sains mikrobiologi dan lain-lain.

Sehingga semalam, terdapat lapan kluster aktif di Sabah.



SEBAHAGIAN petugas kesihatan yang dihantar ke Sabah kelmarin untuk membendung penularan Covid-19.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NEGARA

Sabah terus catat kes harian tertinggi

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA – Sabah terus merekodkan pertambahan kes Covid-19 semalam termasuk daripada tiga kluster aktif iaitu Kluster Bangau-Bangau dengan 47 kes, Laut (10) dan Benteng LD (satu).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah, sebanyak 71 kes baharu dicatatkan semalam menjadikan jumlah kes positif sebanyak 10,576 kes dengan kes aktif kebolehan jangkitan adalah 777.

Beliau berkata, daripada jumlah tersebut, sebanyak 69 kes adalah penularan tempatan membabitkan 43 warga Malaysia dan 26 warga asing, manakala dua adalah kes import.

Menurutnya, 47 kes di Kluster Bangau-Bangau melibatkan jangkitan generasi kedua iaitu kes ke-10,509 hingga kes ke-10,555.

"Jumlah keseluruhan kes positif dalam kluster itu sebanyak 60 yang membabitkan 42 warga Malaysia dan 18



SEORANG anggota tentera berkawal di hadapan pintu masuk Rumah Pangsa Tongkang Yard di Alor Setar semalam. – SHAHIR NOORDIN

warga Filipina.

"Selain itu, sebanyak 10 kes baharu daripada generasi kedua turut dilaporkan dalam Kluster Laut menjadikan jumlah kes positif sebanyak 22 yang kesemua melibatkan warga Filipina.

"Kluster Benteng LD melaporkan satu kes baharu melibatkan warga Malaysia menjadikan jumlah kes positif sebanyak 730 kes positif," katanya dalam satu ke-

nyataan akhbar di sini semalam.

Kes penularan tempatan di Sabah turut melibatkan dua kes saringan kemasukan ke hospital melibatkan seorang warga Malaysia dan seorang warga asing.

Satu kes masing-masing melibatkan saringan rujukan ke Hospital Tawau, saringan praprosedur di Hospital Semporna dan saringan bergejala di pusat perubatan yang kini dirawat di Hospital Queen Elizabeth.

Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
• Kes baharu	71
• Import: 2	Tempatan: 69
• Pulih	64
• Kematian	0
• Masih dirawat	777
• Jumlah kes sembuh	9,666
• Jumlah Kematian	133
Jumlah kes keseluruhan	10,576

Noor Hisham berkata, Kedah merekodkan empat kes baharu daripada Kluster Sungai yang kini sudah menjangkiti generasi kelima.

"Mangsa adalah kes ke-10,573, 10,574, 10,575 dan 10,576 yang masing-masing berusia antara tujuh hingga 24 tahun.

"Selangor turut merekodkan dua kes baharu iaitu saringan bergejala melibatkan warga Malaysia yang mempunyai sejarah pulang dari Semporna," katanya.

Dua kes import dikesan masing-masing di Johor dan Selangor membabitkan warga asing.

Individu dari zon merah perlu buat saringan Covid-19

PUTRAJAYA – Lima kawasan di negara ini dikategorikan sebagai zon merah iaitu di Tawau, Lahad Datu, Kunak dan Semporna di Sabah selain Kota Setar di Kedah setakat semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, justeru itu, individu bergejala yang baru mengunjungi atau datang dari zon merah wajib melakukan ujian saringan Covid-19 di fasiliti kesihatan berhampiran.

"Individu yang tidak bergejala pula digalakkan untuk melakukan ujian saringan dan menjalani kuarantin sendiri bagi melindungi ahli keluarga, rakan-rakan serta masyarakat di sekitar.

"Walaupun kebanyakan kawasan di negara ini sudah bertukar menjadi zon hijau, namun ingin diingatkan bahawa kes Covid-19 masih berada di dalam komuniti," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Dalam pada itu, Noor Hisham berkata, nilai kadar kebolehan jangkitan Covid-19 atau R-naught (RO) kembali meningkat kepada 1.34 pada kelmarin.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : NASIONAL

#JanganPutusAsa
#Malaysia

MEMERANGI WABAK COVID-19

Kembali dua digit

Rekod 71 kes positif Covid-19, tiada kematian

Oleh TUAN BUQHAI RAH
TUAN MUHAMMAD ADNAN

PUTRAJAYA



DR NOOR HISHAM

Kes baharu positif koronavirus (Covid-19) kembali kepada dua digit iaitu sebanyak 71 kes selepas ia dilapor melonjak kepada 147 kes kelmarin.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah dalam kenyataan semalam berkata, pertambahan itu menjadikan jumlah keseluruhan kes positif Covid-19 sebanyak 10,576.

"Jumlah kes aktif dengan kebajikan Covid-19 adalah sebanyak 777 kes. Daripada 71 kes baharu yang dilaporkan, dua adalah kes import yang telah mendapat jangkitan di luar negara melibatkan bukan warganegara dari Singapura dan Indonesia.

"Kes-kes tersebut dilaporkan di Johor dan Selangor," katanya.

Menurutnya, sebanyak 69 kes penularan dalam negara dikesan melibatkan sebanyak 43 kes rakyat tempatan dan 26 kes warga asing.

"Di Sabah, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesan seba-

nyak 63 kes melibatkan 47 kes daripada Kluster Bangau-Bangau dan 10 kes daripada Kluster Laut. Dua kes saringan memasuki hospital di Sabah juga turut dikesan positif Covid-19.

"Kluster Benteng LD, saringan rujukan ke Hospital Tawau, saringan prosedur dan pra prosedur Hospital Semporna dan saringan bergejala di pusat perubatan di Kota Kinabalu, masing-masing merekodkan satu kes," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, di Kedah pula, empat kes daripada Kluster Sungai dikesan, manakala dua kes saringan bergejala melibatkan individu yang mempunyai sejarah pulang dari Semporna, Sabah.

"Sehingga kini, terdapat enam kes dirawat di unit rawatan rapi (ICU) termasuk dua kes yang memerlukan bantuan pernafasan.

"Tiada kes baharu kematian berkaitan Covid-19 dilaporkan. Jumlah kumulatif kes kematian kekal sebanyak 133 kes iaitu bersamaan 1.26 peratus daripada jumlah keseluruhan kes," kata beliau.

Semua pihak dirayu patuhi SOP

PUTRAJAYA - Menjelang pengundian Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah esok, semua pihak tanpa mengira status dan kedudukan diminta mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah melahirkan kebimbangan lebih ramai individu dijangkiti selepas nilai penularan jangkitan atau R-naught (Rt) mencatatkan peningkatan di Sabah.

"Nilai Rt dilihat tidak stabil dan kembali meningkat kepada 1.37 melebihi 1.0 di Sabah," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Menurutnya, Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) membangunkan SOP bagi aktiviti berkempen dan mengundi.


"KKM merayu patuhilah SOP tanpa mengira status dan kedudukan dalam masyarakat.

"Sekiranya tiada urusan di luar, masyarakat dinasihatkan supaya kekal berada di rumah. Bantulah negara dalam mengawal penularan koronavirus (Covid-19)," katanya.

Nilai Rt tertinggi direkodkan pada 7 September lalu iaitu 1.72.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia




*Dikemas kini pada jam 6 petang 24 September 2020

Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 10,505 kes kepada 10,576 kes

JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN: **10,576** POLI: **9,666** ICU: **6** KEMATIAN: **133** KES BAHARU: **+71**



AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : DALAM NEGERI

Kes positif Covid-19 turun kepada 71

PUTRAJAYA: Perkembangan kes positif Covid-19 mencatatkan penurunan kepada 71 kes baharu selepas merekodkan tiga angka semalam iaitu 147 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, ini menjadikan jumlah kumulatif kes positif wabak itu di negara ini sebanyak 10,576 kes manakala kes aktif dengan kebolejangkitan adalah 777 kes.

Beliau menjelaskan, daripada

71 kes baharu yang dilaporkan, dua kes adalah kes import yang telah mendapat jangkitan di luar negara melibatkan bukan warganegara dan kes selebihnya adalah penularan tempatan.

Menurut beliau, sebanyak 63 kes baharu itu melibatkan negeri Sabah iaitu 47 kes daripada Kluster Bangau-Bangau, 10 kes daripada Kluster Laut membabitkan semua bukan warganegara dan satu kes daripada Kluster Benteng LD.

"Di Kedah pula, terdapat em-

pat kes daripada Kluster Sungai yang melibatkan semua warganegara.

"Di Selangor juga sebanyak dua kes dicatatkan iaitu kes saringan bergejala yang melibatkan warganegara. Mereka mempunyai sejarah pulang dari Semporna, Sabah," katanya dalam laporan harian situasi semasa jangkitan penyakit Covid-19, di sini semalam.

Tambah Noor Hisham, tiada kematian direkodkan hari ini

sekali gus menjadikan jumlah kumulatif kes kematian Covid-19 di negara ini kekal sebanyak 133 kes.

Katanya, sehingga kini, terdapat enam kes positif yang sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) yang mana dua kes memerlukan bantuan pernafasan.

"Terdapat 64 kes yang telah pulih pada hari ini, oleh itu jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya adalah sebanyak 9,666 kes," katanya.



NOOR HISHAM ABDULLAH

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : STORY OF THE DAY/NEWS



A soldier guarding the entrance to the Tongkang Yard Flat in Seberang Perak, Alor Setar, yesterday. BERNAMA PIC

RISING ABOVE 1.0

Dr Noor Hisham: Covid-19 infectivity rate is worrying

PUTRAJAYA: The country's Covid-19 infectivity rate, or R-naught (R0), of 1.34 is worrying as it is an increase from the R0 figures of below 1.0 achieved previously thanks to successful measures.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said on Wednesday, the R0 had risen to above 1.0 amid border control and public health efforts to stem the spread of Covid-19.

"The R0 is seen as unstable and is back on the rise.

"As of Wednesday, it has increased to 1.34, while the rate in Sabah is 1.37 and 1.15 in Kedah.

"There should be more collective effort to break the Covid-19 chain of infection in the community. If there are no matters to attend to, people should stay home.

"In Sabah, the National Security Council and Election Commission have come up with a standard operating procedure (SOP) for campaigning and voting.

"The ministry appeals to the people to adhere to the SOP, regardless of the status of the community. Please help the country control the Covid-19 infection."

He said the Covid-19 transmis-

sion rate was a concern when the R0 stood at 1.72 on Sept 7, and to prevent an exponential surge in cases, preventive steps were carried out aggressively.

The R0 dropped to less than 1.0 following the implementation of tighter conditions for entry to Malaysia from high-risk countries and stricter borders control to stop undocumented foreigners from coming in via rat lanes.

The Administrative Enhanced Movement Control Order was enforced in several areas to contain the infection, with contact tracing, screening of high-risk groups, quarantine and early treatment of symptomatic cases carried out.

Dr Noor Hisham reminded the people that the virus was still within the community although the Covid-19 status of many areas nationwide had turned green.

He said five areas became red zones yesterday, of which four are in Sabah and one in Kedah.

In Sabah, the areas are Tawau, Lahad Datu, Kunak and Semporna, and Kota Setar in Kedah.

"The ministry would like to advise people that it is compulsory for those who have visited and

returned from red zones and have symptoms to undergo Covid-19 screening at the nearest health facility.

"Those who were in red zones but do not have symptoms are encouraged to take the test and isolate themselves to protect their family, friends and community."

Meanwhile, the ministry recorded 71 new Covid-19 cases yesterday, including 63 from three clusters in Sabah, four from one cluster in Kedah and two symptomatic patients in Selangor.

Dr Noor Hisham said 69 cases were local transmissions, involving 43 Malaysians and 26 foreigners. The two imported cases contracted the virus in Singapore.

The cumulative positive cases in the country stands at 10,576, with active cases at 777.

Dr Noor Hisham said six patients were being treated in the Intensive Care Unit, with two requiring respiratory assistance.

He said 64 more patients had recovered yesterday, bringing total recoveries to 9,666.

There are no new deaths and the toll remains at 133.

Meanwhile, foreigners entering

Malaysia via international gates will from yesterday have to bear the entire cost of their 14-day mandatory quarantine, said Senior Minister (Security Cluster) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

"Foreigners will have to pay the full charge of RM4,700, without the government subsidy

RM2,600 is a fixed charge for operations and RM2,100 is for the accommodation.

"For the second and third person who share a room with the first individual, the cost of accommodation is half, which is RM700, and is free for children aged 6 and below," Ismail Sabri said yesterday.

He said for Malaysians, the government decided to maintain the subsidy for the cost of quarantine.

"They will have to pay only RM2,100 for the cost of accommodation as set and implemented earlier, while the cost of operations of RM2,600 will continue to be borne by the government."

He said from July 24 up to Wednesday, 33,534 Malaysians had returned from 33 countries and were placed in 67 hotels and eight premises, such as public

training institutes, for quarantine. Of the total, 25,426 people had completed the quarantine.

On a separate matter, Ismail Sabri said police on Wednesday arrested 137 individuals with compounds for breaching Recovery Movement Control Order (RMCO) standard operating procedures.

Of the total, 111 violators were compounded, 25 were remanded and one was freed on bail.

The multi-agency Op Benteng tasked to guard the nation's borders detained 67 undocumented foreigners, five boat skippers and three smugglers, and seized a boat and 13 land vehicles.

Ismail Sabri said the armed forces nabbed eight foreigners for not having valid travel documents in Ladang Sungai Tengah, Johor.

He said police arrested two foreigners for entering Malaysia via an ungazetted route and for not having proper travel documents in Pengkalan Haram Kebun, Pengkalan Kubor, Kelantan.

A total of 91 Op Benteng roadblocks were mounted by the police, Armed Forces and Malaysian Border Security Agency.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : NATION

Observe SOP at polls

Health DG: Those visiting 'red zones' should be tested

PUTRAJAYA: The Health Ministry has called on all those involved in the Sabah polls to strictly adhere to the Covid-19 guidelines and prevent the spread of the disease.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said those who visited the "red zones" in four districts in the state should undergo a test as a precaution.

"If you have no business outside, it is advisable to stay at home.

"The National Security Council and the Election Commission have developed a standard operating procedure (SOP) for campaigning and voting activities there.

"If you have symptoms after visiting a red zone, it is mandatory to take a Covid-19 test at the nearest health facility.

"Those who are asymptomatic but who have been to a red zone are also encouraged to take a test and undergo self-quarantine.

"This is to protect your family, friends and the community," he said in a statement.



Those asymptomatic but have been to a red zone are encouraged to take a test and undergo self-quarantine. This is to protect your family, friends and the community,

Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah



Yesterday, out of the 71 new cases, 63 were detected in Sabah.

Four of the country's five red zones are in Sabah – Tawau, Lahad Datu, Kunak and Semporna.

The other is Kota Setar, Kedah.

Dr Noor Hisham said the Covid-19 infectivity rate had gone up in both Sabah and Kedah and that the authorities would need to do more to break transmission in the community.

Of the few clusters recording new cases, he said the Bangau-Bangau cluster in Semporna saw the highest increase with 47, bringing its total to 60.

This was followed by the Laut cluster in Kunak, which recorded 10 new cases.

The Sungai cluster in Kedah has four new cases, while the country's largest and most active cluster, the Benteng Lahad Datu cluster, has reported a new case.

Two imported cases were from Singapore and Indonesia.

In the same 24-hour span, Malaysia discharged 64 patients with no new fatalities.

Cumulatively, the country's total cases since the outbreak stood at 10,576. Currently, six people are being treated in intensive care units, with two requiring ventilator support.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Covid cases down to 71, no deaths

KUALA LUMPUR: There were 71 new cases of Covid-19 yesterday, a sharp drop from the previous day when 147 cases were recorded. The cases bring the national tally to 10,596. As of noon yesterday, there were 777 active cases in the country. Another 64 patients have recovered and were discharged.

Health Director-General Tan Sri Noor Hisham Abdullah said of the total reported yesterday, two were imported. One is a Malaysian who returned from Singapore and the other is an undocumented migrant who came in from Indonesia.

Sabah continues to account for the majority of locally transmitted cases. It had 63 new cases yesterday. Of the remaining six cases, four were reported in Kedah and two in Selangor. Of the new locally transmitted cases, 43 are Malaysians and 26 are foreigners.

The Bangau-Bangau cluster in Sabah saw the largest increase, with 47 new cases, comprising 32 Malaysians and 15 foreigners.

All 10 new cases in the Laut cluster are foreigners and in the Benteng LD cluster, the sole case is a Malaysian. There were no new fatalities yesterday, keeping the death toll at 133.